

**SEJARAH EKONOMI NEGERI KELANTAN,  
1959-2008**

**ROSMINA AWANG**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
2017**

**SEJARAH EKONOMI NEGERI KELANTAN,  
1959-2008**

**oleh**

**ROSMINA BT AWANG**

**Tesis yang diserahkan untuk  
memenuhi keperluan  
bagi Ijazah Sarjana Sastera**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Disember 2017**

## **PENGHARGAAN**

Pertama sekali saya memanjatkan syukur alhamdulillah, akhirnya saya dapat juga menyiapkan tesis ini. Terima kasih pada penyelia saya Dr Hajah Azmah Abdul Manaf yang sentiasa memberi bimbingan dan tunjuk ajar. Terima kasih juga pada pegawai pertanian negeri Kelantan Encik Azura Mohamad yang banyak memberi bahan yang saya perlukan. Kakitangan Arkib Negara Kelantan dan Perpustakaan Kelantan terutama bahagian Koleksi Kelantan yang banyak membantu juga terima kasih saya ucapkan.

Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih saya pada kakitangan Arkib Negara, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur (Kelantan) yang banyak membantu saya dalam mencari bahan-bahan yang saya perlukan. Untuk suami dan anak-anak yang sentiasa memberi dorongan dan memahami situasi saya, ucapan terima kasih yang tidak terhingga buat mereka. Akhirnya terima kasih kepada Allah s.w.t kerana dengan izinNya memberi peluang untuk saya meneruskan dan menyiapkan tesis.

## **ISI KANDUNGAN**

Penghargaan.	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Jadual	vi
Senarai Carta	vii
Senarai Peta	viii
Senarai Rajah	ix
Senarai Singkatan Perkataan	x
Abstrak	xi
Abstract	iix

## **BAB 1 PENGENALAN**

1.1 Pendahuluan	1
1.1.1 Sejarah Awal Negeri Kelantan	5
1.1.2 Politik awal Negeri Kelantan	9
1.1.3 Latar Belakang Ekonomi Kelantan Sejak Zaman Awal	11
1.2 Kajian lepas	12
1.3 Permasalahan Kajian	16
1.4 Skop Kajian	17
1.5 Objektif Kajian	19
1.6 Sinopsis Bab	19
1.7 Metodologi Kajian	21
1.8 Sinopsis Bab	22

## **BAB 2 LATAR BELAKANG SOSIOEKONOMI KELANTAN DI ERA PEMERINTAHAN KERAJAAN PAS (1959-1978)**

2.1 Pendahuluan	23
2.2 Latar Belakang Ekonomi Kelantan Sebelum 1959	26
2.3 Sejarah Penubuhan UMNO dan PAS di Negeri Kelantan	30
2.4 Bidang Kuasa Perundangan dan Pembentukan Kerajaan 1950-1978	33
2.5 Pentadbiran Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri 1959-1978	43
2.6 Pembentukan Kerajaan dan Pergerakan Ekonomi 1959-1978	51
2.7 Lembaga Kemajuan Tanah Negeri (LKTN)	60
2.8 Perkembangan prasarana pertanian di Kelantan	66

## **BAB 3 EKONOMI KELANTAN DI BAWAH BARISAN NASIONAL (1978-1990)**

3.1 Pendahuluan	76
3.2 Pertanian Tahun 1978-1990	79
3.3 Lembaga Kemjuan Kelantan Selatan (KESEDAR)	86
3.4 Pembangunan Prasarana Pemangkin Pertanian di Kelantan	99
3.5 Ekonomi Negeri Semasa Kelantan Era Barisan Nasional 1978-1990	101

## **BAB 4 EKONOMI KELANTAN SEMASA PEMERINTAHAN PAS (1990-2008)**

4.1 Pendahuluan	110
4.2 Kedudukan Ekonomi Negeri	111
4.3 Tanaman Padi	120
4.4 Tanaman Getah dan Kelapa Sawit	126
4.5 Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN)	130
4.6 Kekangan Dalam Membangunkan Ekonomi Kelantan (1990-2008)	135
4.7 Transformasi Ekonomi Islam di Negeri Kelantan	139
4.8 Pembangunan Sektor Pertanian dan Pembalakan	147
<b>BAB 5 KESIMPULAN</b>	153

## SENARAI JADUAL

	<b>Halaman</b>	
Jadual 1.1	Parti-parti yang memerintah Kelantan 1955-2008	9
Jadual 2.1	Prestasi pendapatan petani setahun/keluarga KADA	53
Jadual 2.2	Maklumat kawasan padi tahun 1968 dan tahun 2008	55
Jadual 2.3	Pengeluaran padi di Kelantan tahun 1969-1978	59
Jadual 2.4	Penempatan (LKTN)	64
Jadual 2.5	Rancangan Pengairan di Kelantan sehingga tahun 2008	68
Jadual 2.6	Projek rancangan pengairan Lembaga Kemajuan Pertanian (KADA) sehingga tahun 1978.	71
Jadual 3.1	KDNK Negeri Kelantan Tahun 1971-1990.	85
Jadual 3.2	Kawasan tanaman kelapa sawit dan getah KESEDAR 1978-1990	94
Jadual 3.3	Pendapatan Bulanan Petani KESEDAR (1980-1990)	98
Jadual 3.4	Kelantan: Peruntukan RMK3,RMK4,RMK5 Sektor Ekonomi	102
Jadual 4.1	Struktur Ekonomi Kelantan 1990-2000	112
Jadual 4.2	KDNK Negeri Kelantan 1991-2000	114
Jadual 4.3	KDNK Negeri Kelantan 2001-2008	115
Jadual 4.4	Pertumbuhan KDNK Malaysia dan Kelantan Tahun 2007 dan 2008	119
Jadual 4.5	Keluasan bertanam padi KADA 2008	122
Jadual 4.7	KESEDAR Gua Musang: Luas kawasan tanaman kelapa sawit dan Getah (1990-2008)	127
Jadual 4.8	Analisa Pencapaian KESEDAR 1990-2008	128

## **SENARAI CARTA**

	<b>Halaman</b>	
Carta 1.1	Jumlah penduduk Kelantan tahun 2006-2008	4
Carta 2.1	Purata Pendapatan Isi Rumah Petani KADA	65
Carta 4.1	Hasil Negeri Bagi Tahun 1986 Hingga 1990	113
Carta 4.2	Hasil Negeri Bagi Tahun 1991 Hingga 1995	114
Carta 4.3	Hasil Negeri Bagi Tahun 1996 Hingga 2000	115
Carta 4.4	Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2001 Hingga 2005	116
Carta 4.5	Hasil Kerajaan Negeri Bagi Tahun 2005 Hingga 2008	117

## **SENARAI PETA**

	<b>Halaman</b>	
Peta 2.1	Rancangan Pengairan di Kelantan	66
Peta 3.1	Kawasan KESEDAR	88

## **SENARAI RAJAH**

	<b>Halaman</b>
Rajah 1.1      Purata Pendapatan Isi Rumah Petani KADA	58

## **SENARAI SINGKATAN PERKATAAN**

APU	Angkatan Perpaduan Ummah
BN	Barisan Nasional
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
KADA	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu
KDYMM	Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia
KESEDAR	Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan
LKTN	Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan
LKTP	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
LPP	Lembaga Pertubuhan Peladang
MTEN	Majlis Tindakan Ekonomi Negara
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PAB	Pemuda Asuhan Bekerjasama
PERUPA	Pertubuhan Remaja Pemimpin
PKINK	Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan
PMIP	<i>Pan Malayan Islamic Party</i>
PKR	Parti Keadilan Rakyat
RISDA	Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah
RPT	Rancangan Pemulihan Tanah
S46	Semangat 46
UMNO	Kesatuan Kebangsaan Melayu Bersekutu

## **SEJARAH EKONOMI NEGERI KELANTAN, 1959-2008**

### **ABSTRAK**

Kajian ini menganalisis perkembangan sejarah ekonomi negeri Kelantan dari tahun 1959 hingga tahun 2008. Objektif kajian adalah memfokus kepada prestasi pembangunan ekonomi yang berbeza di antara kerajaan PAS dan Barisan Nasional serta meninjau dasar dan program yang dijalankan oleh agensi yang diamanahkan. Kaedah kajian yang digunakan adalah berdasarkan kaedah penelitian terhadap sumber-sumber yang diperoleh di perpustakaan dan Arkib Negara Malaysia. Selain itu, temubual secara bersemuka juga dijalankan untuk mendapat maklumat berkaitan bagi menyokong kajian. Negeri Kelantan dari dahulu hingga kini sumber ekonominya banyak bergantung pada hasil pertanian. Walaubagaimanapun kajian hanya menumpukan kepada hasil pertanian seperti padi, kelapa sawit dan getah dalam menjana ekonomi negeri Kelantan. Negeri Kelantan merupakan sebuah negeri yang unik kerana telah diperintah oleh kerajaan Barisan Nasional, Pas, dan Kerajaan Campuran. Kajian ini akan meninjau peranan kerajaan tersebut dalam meningkatkan ekonomi Kelantan dalam tahun 1959-2008. Analisa data menunjukkan bahawa pembukaan tanah rancangan oleh kerajaan negeri (LKTN) dan persekutuan seperti FELDA, FELCRA, KESEDAR untuk aktiviti penempatan dan pertanian, serta peranan agensi seperti PKINK, PMBK dan lainnya bertujuan untuk menjana ekonomi rakyat dan seterusnya mengurangkan kemiskinan. Hasil kajian menunjukkan bahawa tanaman komoditi seperti kelapa sawit, getah, yang menjadi tumpuan utama di kalangan peneroka di rancangan tanah menjadi sumber utama pendapatan peneroka dan kerajaan amnya. Akhir sekali, faktor perubahan pentadbiran kerajaan dilihat tidak menjadi masalah dalam perkembangan ekonomi kerajaan sentiasa menyediakan pelbagai agenda untuk memajukan ekonomi negeri Kelantan.

# **THE ECONOMIC HISTORY OF THE STATE OF KELANTAN, 1959-2008.**

## **ABSTRACT**

This study analyzes the development of economic history of Kelantan from the year of 1959 till 2008. The objective of this study is focus on the different economy development performance between the PAS and the Barisan Nasional. It also review the policies and program run by trusted agencies. The research method used is based on the research methodology on the sources of resources obtained in libraries and national archives of Malaysia. In addition, face to face interviews are also conducted to obtain relevant information to support the study. The state of Kelantan economic resources are much dependant on the result of agriculture from the past till now. However, the research only focuses on agricultural produce such as paddy, palm oil and rubber in generating the Kelantan economy. Kelantan state is a unique state because it has been ruled by national goverment (Barisan Nasional), PAS and state goverment. The study looked at the role of the goverment in improving the Kelantan economy from 1959 to 2008. The data analysis indicates that the land clearing by state and associating FELCRA, FELDA and KESEDAR land for placement and agriculture activities. The role of agencies such as PKINK, PMBK and others aimed at generating people's economy and this is a way to reduce the poverty. The result show that commodities such as oil palm and rubber are the main focus among the settlers. Land plans are major source of income for settlers and goverment in general. Finally, the goverment's administrative changes is not a problem in economic development because the goverment always provides various agenda to develop the state of Kelantan's economy in the future.



## BAB I

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Kelantan Darul Naim adalah sebuah negeri dalam Malaysia yang lokasinya terletak di timur laut Semenanjung Malaysia. Negeri ini bersempadan dengan dengan 4 wilayah iaitu Thailand (Pattani) di timur laut, Perak (Hulu Perak) di barat, Pahang (Kuala Lipis) di selatan dan Terengganu (Besut) di timur / tenggara.<sup>1</sup> Di timur Kelantan ialah Laut Cina Selatan. Keluasan negeri Kelantan ialah 14,931 kilometer persegi.<sup>2</sup> Keluasan Negeri Kelantan adalah merangkumi 4.4% daripada keluasan Malaysia. Nama negeri Kelantan dikatakan pencemaran daripada perkataan “gelam hutan, iaitu nama Melayu bagi pokok *Melaleuca leucadendron* iaitu sejenis pokok gelam yang tumbuh di sekitar pantai negeri itu. Adalah dipercayai bahawa Negeri Kelantan dianggap sebagai sebuah negeri tertua di Semenanjung Tanah Melayu. Hasil kajian oleh Dr G. de G Sieveking di Gua Cha pada tahun 1953 mendapati Negeri Kelantan juga dikatakan telah didiami oleh manusia 2,000 atau 3,000 tahun Sebelum Masihi.<sup>3</sup>

Masyarakat Kelantan masih berdiri di atas asas pertolongan dan kerjasama individu dalam kumpulannya. Asas sosial itu dimanfaatkan menjadi, antaranya, asas ekonomi, politik dan pendidikan. Negeri Kelantan mempunyai ciri-ciri budayanya

---

<sup>1</sup> Hassan Harun, (1999), *KELANTAN Rakyat Dinamik, Negeri Semakin Ketinggalan*, Kuala Lumpur: DD Mediaconsult Sdn. Bhd., hlm. 16.

<sup>2</sup> Mohd Roselan Abd. Malek, (1993), *Salasilah Nama Tempat Negeri Kelantan Darul Naim*, Petaling Jaya: Penerbit Prisma Sdn. Bhd., hlm. 1.

<sup>3</sup> Zetimimi Zakaria, (1997), “*Kelantan Sebelum Persekutuan Tanah Melayu*”, dalam Dato” Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, Warisan Kelantan XIV. Kelantan: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

yang tersendiri, terkenal sebagai gelarannya ‘Negeri Serambi Mekah’. Negeri Kelantan merupakan negeri yang terletak di Pantai Timur Semenanjung. Terdapat banyak gelaran untuk Kelantan seperti ‘Tanah Rendah Sekebun Bunga’, ‘Negeri Serambi Mekah’, ‘Negeri Che Siti Wan Kembang’.<sup>4</sup>

Negeri Kelantan adalah negeri yang keenam terbesar di Malaysia, mempunyai 10 jajahan yang dibahagikan kepada beberapa daerah. Daerah pula dibahagikan kepada mukim. Struktur pentadbiran yang demikian ini berbeza daripada struktur pentadbiran negeri-negeri lain di Malaysia yang terbahagi kepada daerah-daerah dan mukim-mukim. Jajahan ialah kawasan yang terdapat di negeri Kelantan yang diketuai oleh Ketua Jajahan di Pejabat Tanah dan Jajahan di setiap jajahan. Sebenarnya panggilan jajahan di Kelantan, sama saja fungsinya dengan daerah bagi negeri-negeri lain di Malaysia. Jajahan-jajahan di Kelantan ialah Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Puteh, Bachok, Machang, Tumpat, Tanah Merah, Kuala Krai, Jeli, Gua Musang.<sup>5</sup> Manakala terdapat 11 daerah di Kelantan yang ditadbir oleh Majlis Daerah dan diketuai oleh Penggawa iaitu Majlis Daerah Bachok-Bandar Pelancongan Islam, Majlis Daerah Gua Musang, Majlis Daerah Jeli, Majlis Daerah Ketereh-Perbandaran Islam, Majlis Daerah Dabong, Majlis Daerah Kuala Krai, Majlis Daerah Machang, Majlis Daerah Pasir Mas, Majlis Daerah Pasir Puteh, Majlis Daerah Tanah Merah, dan juga Majlis Daerah Tumpat. Kota Bharu ialah Ibu negeri Kelantan. Bandar ini mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Di bandar ini beca roda tiga yang dikenali sebagai teksi sangat popular sebagai kenderaan jarak dekat. Terdapat tempat-tempat menarik untuk dilawati di bandar ini dan di kawasan sekitarnya. Antaranya ialah Pasar Besar Siti Khadijah, Istana Balai Besar, Istana

---

<sup>4</sup> Mohd Roselan Abd. Malek, (1993), *Salasilah Nama Tempat Negeri Kelantan Darul Naim*, Petaling Jaya: Penerbit Prisma Sdn. Bhd., hlm 2.

<sup>5</sup>Ibid, hlm. 3.

Jahar yang merupakan Muzium Negeri sekarang, Wakaf Che Yeh, Nilam Puri, Gelanggang Seni, Pengkalan Kubor, Rantau Panjang dan lain-lain lagi.<sup>6</sup>

Penduduk negeri Kelantan Darul Naim pada tahun 1998, mengikut carta tahun tersebut berjumlah 1,484,000 orang, dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 2.5% manakala pada tahun 2008 jumlah penduduknya berjumlah 1, 549, 800 orang (carta 1.1). Majoriti penduduk adalah bangsa Melayu. Orang Melayu merupakan penduduk terbesar di negeri Kelantan, diikuti oleh Cina, India, Siam dan lain-lain bangsa. Bangsa Melayu mewakili 94.1% penduduk Kelantan, diikuti dengan Cina 4%, India 0.5% dan lain-lain bangsa 0.8%.<sup>7</sup> Negeri Kelantan dari dahulu hingga kini sumber ekonominya banyak bergantung pada hasil pertanian, perikanan dan juga perusahaan. Negeri Kelantan merupakan negeri pertanian, kebanyakan penduduknya melibatkan diri dalam bidang pertanian dan tinggal di kampung-kampung atau pun pinggir bandar.

Carta 1.1 di bawah menunjukkan jumlah penduduk negeri Kelantan sejak tahun 1959 sehingga tahun 2008 mengikut tahun pilihanraya. Carta ini menunjukkan pertambahan penduduk dari lima tahun ke lima tahun berikutnya. Bermula dengan tahun 1959, penduduk Kelantan berjumlah 510,000 orang sahaja. Didapati pertambahan sebanyak 43,000 orang tahun 1964. Manakala pada 5 tahun seterusnya penduduk negeri Kelantan meningkat sebanyak 147,000 orang menjadi 700,000 orang pada tahun 1969. Seterusnya 5 tahun berikutnya meningkat 53,000 orang, tetapi tahun 1978 cuma meningkat sebanyak 30,000 orang sahaja. Tahun 1982 pula

---


<sup>6</sup> Mohd Roselan Abd. Malek, (1993), *Salasilah Nama Tempat Negeri Kelantan Darul Naim*, Petaling Jaya: Penerbit Prisma Sdn. Bhd., hlm. 3.

<sup>7</sup>Hassan Harun, (1999), *Kelantan Rakyat Dinamik, Negeri Semakin Ketinggalan*, Kuala Lumpur: DD Mediaconsult Sdn. Bhd., hlm. 21.

penduduk Kelantan meningkat pada 871,000 dengan pertambahan sebanyak 88,000 orang.

### Carta 1.1

#### Jumlah Penduduk Kelantan Berdasarkan Tahun Pilihanraya 1959-2008



Sumber: Kompendium Perangkaan Alam Sekitar Malaysia 2013 dari Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pada tahun 1986 pula terdapat sedikit sahaja peningkatan penduduk iaitu sebanyak 26,200 orang dan tahun 1990 terus meningkat sebanyak 289,800 orang meningkat kepada 1,187,000 orang. Pada tahun-tahun 1990-an ke atas, pertambahan penduduk negeri Kelantan bertambah dengan pesat ekoran peningkatan kesedaran kesihatan dan juga ekonomi di sini. Penduduk semakin pandai menggunakan pelbagai ubat dan kemudahan yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Pada tahun 1995 juga terdapat peningkatan penduduk negeri Kelantan sebanyak 78,400 menjadi 1,265,400. Tahun 1995 juga meningkat sebanyak 57,100 orang, tahun 2004 dan 2008 juga terus meningkat kepada 1,463,800 dan 1,549,800. Ini bermakna jumlah penduduk negeri Kelantan terus bertambah dari tahun ke tahun. Pertambahan ini disebabkan beberapa faktor yang digerakkan oleh kerajaan negeri, kerajaan persekutuan melalui Kementerian Kesihatan dan agensi-agensi yang terlibat dalam menaiktaraf kesihatan penduduk dan meningkatkan ekonomi keluarga di negeri ini.

### **1.1.1 Sejarah Awal Negeri Kelantan**

Nama "Kelantan" dikatakan gabungan daripada perkataan "gelam hutan", iaitu nama Melayu bagi pokok *Melaleuca leucadendron*. Ada juga yang mengatakan bahawa namanya datang daripada perkataan "kilatan" atau "kolam tanah". Negeri Kelantan mempunyai seni budaya tradisional yang unik dan juga sejarah persinggahan yang menarik. Asal-usul kerabat diraja Kelantan bermula dengan Long Muhammad, Putera Long Yunus yang menaiki takhta Kerajaan Kelantan dari tahun 1801 hingga tahun 1837 serta urutan sehingga ke zaman pemerintahan Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra.<sup>8</sup> Setelah ditabalkan, Long Mohamad memakai gelaran 'Sultan Muhamad 1'. Sepanjang masa pemerintahan baginda tidak ada lagi ancaman daripada mana-mana pihak sehingga Kelantan muncul sebagai sebuah negeri yang aman dan makmur. Ramai pedagang dari luar Kelantan datang untuk berdagang serta mendapat layanan baik dari baginda. Pada masa Long Mohamad ini, hubungan diplomatik dengan pihak Siam diwujudkan tanda persahabatan. Setiap tiga tahun sekali baginda Sultan Muhamad I menghantar bunga

---

<sup>8</sup> Mohd Zain Salleh, (1987), *Keluarga Di raja Kelantan Darul Naim*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, hlm. 7.

mas ke Siam. Sebagai tanda keakraban hubungan pihak Siam memberi amaran kepada Terengganu supaya tidak mengganggu Kelantan. Ekorannya Terengganu tidak lagi menunjukkan tentang terbuka terhadap Kelantan.<sup>9</sup>

Pemerintahan Long Muhamad berakhir pada tahun 1837 setelah kemangkatannya tanpa meninggalkan waris. Walau bagaimanapun baginda ada memelihara anakanda saudaranya yang bernama Long Senik Putera Long Tan. Baginda memelihara Long Senik setelah ayahandanya Long Tan mati terbunuh semasa peristiwa pemberontakan orang-orang Cina di Pulai, Ulu Kelantan iaitu kira-kira pada tahun 1835. Sekiranya Long Tan masih hidup, kemungkinan beliau akan menjadi pengganti kerana kekandanya Long Muhamad mengasihinya. Long Jenal salah seorang saudara baginda sultan merasa cemburu pada Long Tan dan merancang pemberontakan untuk menghapuskan Long Tan. Apabila baginda mendapat tahu, baginda telah menghalau Long Jenal dari negeri Kelantan. Semasa baginda sultan gering, Long Jenal telah kembali semula ke negeri Kelantan.<sup>10</sup>

Long Muhamad semasa hayatnya telah mewasiatkan supaya mengangkat Long Senik sebagai pengganti tetapi Long Jenal telah merampas kuasa lalu mengisytiharkan dirinya sebagai Raja Kelantan dengan gelaran ‘Yamtuan Kelantan’. Long Senik yang diketepikan tidak berdiam diri, lantas melancarkan pemberontakan pada tahun 1838. Pemberontakan tersebut telah berjaya mengusir Long Jenal dan Long Senik mendapat semula hak yang diwariskan oleh Long Muhamad kepadanya iaitu takhta kerajaan negeri Kelantan dengan memakai gelaran ‘Sultan Muhamad II’. Kedudukan Sultan Muhamad II telah diiktiraf oleh Maharaja Siam sebagai sultan yang sah. Pengiktirafan ini secara tidak langsung merupakan amaran kepada Long

---

<sup>9</sup> Faizah Abd Rahman, (1991), *Pemerintahan Kelantan Menurut Kronologi*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur, hlm. 70.

<sup>10</sup> *Ibid*, hlm. 71.

Jenal supaya tidak mengganggu pemerintahan Long Senik yang telah memakai gelaran Sultan Muhamad II.<sup>11</sup>

Dalam suasana Siam sibuk menghadapi pemberontakan rakyat Kedah, Long Jenal telah kembali semula ke Kelantan lalu melancarkan pemberontakan. Setelah Siam berjaya menundukkan pemberontakan di Kedah, mereka telah menghantar sejumlah besar tentera ke Kelantan untuk menamatkan perang saudara pada tahun 1839. Long Jenal telah berjaya dikalahkan lalu melarikan diri ke Kemaman, Terengganu. Sultan Muhamad II dapat memerintah negeri Kelantan dengan aman selama 49 tahun iaitu pemerintahan yang paling lama dalam sejarah pemerintahan di negeri Kelantan. Baginda Sultan Muhamad II telah membangunkan Bandar Kota Bharu dan mendirikan kota serta Balai Besar yang masih kekal sehingga ke hari ini. Sultan Muhammad II telah mangkat pada tahun 1886, dengan meninggalkan negeri Kelantan dalam keadaan aman dan juga pembangunan yang teratur.<sup>12</sup>

Putera Sultan Muhamad II yang bernama Long Sulong telah dilantik sebagai pengganti baginda dengan gelaran ‘Sultan Ahmad atau Sultan Tengah’. Baginda Sultan Ahmad cuma memerintah selama tiga tahun sahaja telah mangkat pada tahun 1889. Puteranya yang bergelar Raja Bendahara atau Sultan Bongsu pula dilantik, tetapi pemerintahannya hanya setahun sahaja setelah mangkat pada tahun 1890.<sup>13</sup> Setelah kemangkatan Raja Bendahara, adindanya yang bernama Long Mansur dilantik dengan sokongan Datuk Laksaman Cik Saad dan Datuk Seri Paduka Nik Yusof kerana Long Senik iaitu anak Raja Bendahara masih kecil. Setelah kemangkatan Long Mansur sepuluh tahun kemudian, barulah Long Senik dilantik dengan gelaran Sultan Muhamad IV kerana Long Mansur sendiri tidak mempunyai

---

<sup>11</sup> Faizah Abd Rahman, (1991), *Pemerintahan Kelantan Menurut Kronologi*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur, hlm. 72.

<sup>12</sup> *Ibid*, hlm. 72.

<sup>13</sup> *Ibid*, hlm. 73.

waris.<sup>14</sup> Baginda Sultan Muhamad IV menandatangani persetiaan dengan Inggeris pada tahun 1909 kerana pengaruh Inggeris yang kuat dan secara tidak langsung menamatkan kekuasaan Siam ke atas negeri Kelantan. Negeri Kelantan mula memakai gelaran ‘Darul Naim’ yang membawa maksud negeri yang makmur pada tahun 1916 serta diperkenalkan lambang negeri yang diguna hingga ke hari ini.<sup>15</sup>

Setelah kemangkatan Sultan Muhamad IV beliau diganti pula dengan putera sulungnya Tengku Ismail pada tahun 1921 dengan gelaran ‘Sultan Ismail’. Baginda memerintah selama 24 tahun dan berjaya memajukan negeri Kelantan moden. Sultan Ismail mangkat pada tahun 1944 tanpa meninggalkan zuriat, lalu dilantik adindanya Tengku Ibrahim dengan gelaran Sultan Ibrahim. Sultan Ibrahim memerintah Kelantan sehingga tahun 1960. Pada 10 Julai 1960 Tengku Yahya dilantik sebagai sultan Kelantan dengan gelaran Sultan Yahya Petra. Pada 21 September 1975 pula, Majlis Raja-raja telah memilih baginda Sultan Yahya sebagai Yang Dipertuan Agong ke-6. Baginda Sultan Yahya memerintah Kelantan selama 4 tahun sahaja setelah mangkat pada 29 Mac 1979 dan diganti oleh putera baginda Tengku Ismail Petra yang bergelar Sultan Ismail Petra yang ditabalkan di Istana Balai Besar pada 30 Mac 1980.<sup>16</sup>

Justeru, dapat dilihat jurai keturunan Sultan Kelantan adalah bermula dari Long Senik yang memakai gelaran Sultan Muhamad IV, Sultan Ismail, Sultan Ibrahim, Sultan Yahya Petra, Sultan Ismail Petra dan Sultan Muhamad V iaitu Tengku Faris Petra Ibni Sultan Ismail Petra, putera sulung Sultan Ismail Petra yang memerintah negeri Kelantan sekarang.

---

<sup>14</sup> Faizah Abd Rahman (1991). *Pemerintahan Kelantan Menurut Kronologi*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur, hlm. 72.

<sup>15</sup> *Ibid.*, hlm. 73.

<sup>16</sup> *Ibid*, hlm. 73.

### **1.1.2 Politik Awal Negeri Kelantan**

Kelantan sering mewarnai politik Malaysia kerana sikap rakyatnya yang unik terhadap pandangan politik. Mereka menjadi sedemikian kerana tidak pernah dijajah secara langsung. Pada masa pemerintahan British, Kelantan diletakkan sebagai salah sebuah Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu yang hanya menerima Penasihat British sahaja.<sup>17</sup> Sikap keterbukaan Kelantan ini menyaksikan pertukaran kerajaan negeri yang lebih kerap berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Bermula dengan pilihanraya tahun 1955, Kelantan telah bertukar pentadbiran kerajaan negeri sebanyak lima kali sehingga pilihanraya ke-12 pada tahun 2008.

**Jadual 1.1**

**Parti-Parti yang Memerintah Kelantan 1955-2008**

TEMPOH PEMERINTAHAN	KERAJAAN
1955-1959	Perikatan
1959-1974	Parti Islam SeMalaysia (PAS)
1974-1976	Kerajaan Campuran (PAS & Barisan Nasional)
1976-1978	Parti Islam Se Malaysia (PAS)
1978-1990	Barisan Nasional
1990-2017	Parti Islam Se Malaysia (PAS)

Sumber: Laporan Pilihanraya Umum Malaysia, Suruhanjaya Pilihanraya 1955-2008<sup>18</sup>

Dari pada jadual 1.2 di atas, menunjukkan Parti Perikatan menang dalam pilihanraya Umum pertama pada tahun 1955. Perikatan dalam pentadbiran “self-

<sup>17</sup> Faizah Abd Rahman, (1991), *Pemerintahan Kelantan Menurut Kronologi*. Universiti Malaya: Kuala Lumpur, hlm. 74.

<sup>18</sup> Hassan Harun, (1999) *Kelantan Rakyat Dinamik, Negeri Semakin Ketinggalan*, hlm. 28.

“government” sebelum merdeka. Selepas negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, Kelantan diperintah oleh PERIKATAN sehingga tahun 1959. Pada pilihanraya tahun 1959, PERIKATAN kalah teruk kerana masalah kepimpinan. Dengan kekalahan PERIKATAN, menandakan bermulanya pemerintahan PAS di Kelantan selama 18 tahun. Zaman pemerintahan PAS telah menyaksikan pembangunan ekonomi yang perlahan di Kelantan. Kelantan masih bernasib baik kerana dalam tempoh yang sama, Kerajaan Persekutuan telah melaksanakan tanggungjawabnya dengan memberi bantuan seperti dalam bidang pendidikan, kesihatan, pertanian dan keselamatan.<sup>19</sup>

Pada pilihanraya Umum ke-2 tahun 1959, PAS memenangi pilihanraya di Kelantan diikuti pilihanraya ke-3 dan ke-4 pada tahun 1964 dan 1969. Manakala pilihanraya ke-5 pada tahun 1974 terbentuk kerajaan campuran antara UMNO dari Barisan Nasional dan parti PAS telah bergabung dan memenangi pilihanraya tersebut dan seterusnya bersama-sama memerintah negeri Kelantan.<sup>20</sup> Pada pilihanraya tahun 1990 sekali lagi PAS berjaya menawan Kelantan. Kemenangan PAS kali ini merupakan titik tolak permulaan pemerintahan PAS yang berterusan di Kelantan sehingga ke hari ini. Kekalahan UMNO disebabkan UMNO telah berpecah. Sebilangan besar ahlinya telah berhijrah mengikut Tengku Razali Hamzah (Ku Li) menyertai Semangat 46 (S46) yang kemudiannya bergabung dengan PAS untuk membentuk Angkatan Perpaduan Ummah (APU). PAS yang bergabung dengan Semangat 46 telah berjaya merebut tumpuk pemerintahan negeri Kelantan daripada Barisan Nasional setelah memerintah selama 12 tahun.

---

<sup>19</sup> Hassan Harun, (1999), *Kelantan Rakyat Dinamik, Negeri Semakin Ketinggalan*, Kuala Lumpur, DD Mediaconsult Sdn. Bhd., hlm. 29.

<sup>20</sup> *Ibid*, hlm. 32.

### **1.1.3 Latar belakang Ekonomi Kelantan Sejak Zaman Awal**

Ekonomi negeri Kelantan pada abad ke-19 masih berasaskan kegiatan pertanian. Jika dilihat taburan penduduk semasa zaman sebelum merdeka, Semenanjung Tanah Melayu terdiri daripada masyarakat Melayu<sup>21</sup> yang menetap di sekitar kawasan pedalaman, dengan kelompok mereka yang lebih besar menetap di kawasan yang berhampiran dengan laut atau di pinggir sungai.<sup>22</sup> Masyarakat Melayu adalah penduduk majoriti di Kelantan pada zaman awal dahulu, jadi ekonominya adalah bersifat jenis sara hidup yang mudah berasaskan pada penanaman padi dan aktiviti perikanan. Tiada kegunaan lebihan pada tanah, sekiranya jumlah populasi berkembang maka lebih banyak tanah dibuka untuk penanaman padi.<sup>23</sup> Penggunaan kawasan pertanian secara keseluruhannya 60 % dari kawasan padi di Tanah Melayu berada di kawasan seperti Perlis, Kedah, Pulau Pinang, dan Perak manakala 23 % lagi di negeri Kelantan dan Terengganu.<sup>24</sup>

Masyarakat Kelantan turut mengamalkan kerja-kerja kemahiran di antaranya seperti bertukang, menganyam, menghasilkan kraf tangan, pelbagai jenis alat senjata dan membuat perahu. Antara alat senjata yang digunakan ialah keris, lembing, pedang, pisau dan kapak. Kemahiran bertenun juga diamalkan oleh golongan wanita Melayu di Terengganu. Manakala di Kelantan pula masyarakat Melayu terkenal dengan pengeluaran kain sarung, logam, ukiran kayu dan periuk belanga yang diperbuat daripada tanah.<sup>25</sup>

---

<sup>21</sup> Haziyah Hussin, (2004), Orang Melayu Kelantan Dari Sudut Budaya dan Perspektif Sejarah Lampau dlm. *JEBAT 31*, hlm. 16-21.

<sup>22</sup> Surya Awang, (2002), Dasar-Dasar Ekonomi British Di Tanah Melayu Sejak 1819-1957. *Tesis Sarjana Muda Sejarah*, Jabatan Sejarah: Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 1.

<sup>23</sup> Tan Ding Eing, (1979), *Sejarah Malaysia dan Singapura*, Terj. Shahabuddin Shafie, Kuala Lumpur, Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm. 234.

<sup>24</sup> Abdullah Azmi Khalid, (1996), “*Ekonomi Melayu Kurun ke-19: Sara Diri atau Komersil?*” Dalam: Alam Pensejarahan: Dari Pelbagai Perspektif. Disunting oleh Tan Liok Ee dan Badriyah Haji Salleh. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 120.

<sup>25</sup> Ibid, Surya Awang, hlm. 7.

## 1.2 Kajian Lepas

Kajian lepas mengenai ekonomi negeri Kelantan adalah sangat terhad. Hal ini kerana kebanyakan penyelidik menumpukan perhatian terhadap sistem politik Kelantan berbanding sistem ekonomi. Kajian yang dilakukan adalah oleh Ismail Yusoff yang bertajuk “Pembangunan Islam Menurut Tuan Guru Dato’ Nik Abdul Aziz Bin Nik Mat” menunjukkan implikasi pembaharuan yang dilakukan telah mempengaruhi pembangunan sosioekonomi negeri Kelantan. Kajian mendapati peningkatan hasil yang berlaku adalah disebabkan oleh pengurusan yang efektif. Pada hakikatnya Kelantan adalah sebuah negeri pertanian mempunyai 66.8% penduduk yang terlibat dalam pertanian pada tahun 1970.<sup>26</sup>

Selain daripada bergiat dalam bidang pertanian, sebahagian besar penduduk Kelantan juga terlibat dalam aktiviti perikanan. Perikanan merupakan aktiviti ekonomi yang kedua penting selepas pertanian. Malah ia merupakan mata pencarian yang utama bagi penduduk yang tinggal di kawasan pesisiran pantai di Kelantan dan kawasan sepanjang sungai. Menangkap ikan, sebagaimana dengan pertanian merupakan satu usaha yang semata-mata bertujuan untuk memenuhi keperluan keluarga sendiri. Oleh itu, tidak hairanlah jika kebanyakan nelayan adalah juga petani.

Selain kedua-dua aktiviti berkenaan masyarakat Kelantan pada waktu itu ada juga yang mencebur dalam bidang industri desa seperti perusahaan membuat tikar daripada mengkuang, bakul dan raga daripada buluh dan rotan, bertenun, membuat pisau dan parang (menempa), membuat kapur (untuk dimakan dengan sirih), membuat barang-barang perhiasan daripada emas dan perak, membuat budu dan belacan, ikan kering dan sebagainya. Perusahaan-perusahaan ini lebih merupakan

---

<sup>26</sup> Chander, R. (1976), *Banci Penduduk dan Perzunahan Malaysia 1970: Jadual-Jadual Asas Penduduk Bahagian VIII- Kelantan*. Jil. 1. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, hlm. 38.

perusahaan dalam kalangan keluarga. Aktiviti ini biasanya dilakukan oleh kaum wanita. Hasilnya adalah untuk kegunaan keluarga itu sendiri. Kegiatan perdagangan juga berlaku dalam masyarakat Kelantan pada waktu itu. Penduduk pesisir pantai misalnya mengusahakan basil-basil laut seperti ikan kering, udang kering, ikan asin dan sebagainya. Kaum wanita biasanya menjunjung berbatu-batu jauh ke kawasan pendalaman untuk menukarkan barang tersebut dengan beras, sayur-sayuran, petai, jering dan sebagainya. Aktiviti ekonomi dan perdagangan yang agak unik ini telah memperlihatkan satu bentuk budaya yang juga agak unik. Walaupun terdapat pelbagai kegiatan ekonomi di Kelantan, namun masyarakatnya hidup dalam serba kekurangan. Secara keseluruhannya boleh dikatakan bahawa ekonomi masyarakat Melayu Kelantan pada abad ke-19 merupakan adalah bersifat sara diri dan aktiviti perdagangan masih lagi tidak berkembang pesat. Para petani seolah-olah tidak berusaha untuk memajukan diri dan meraih hasil yang lebih baik dari keperluan sara diri.<sup>27</sup>

Semasa pentadbiran PAS di Kelantan, pertanian masih merupakan kegiatan ekonomi yang utama.<sup>28</sup> Kerajaan waktu itu telah merangka beberapa strategi. Antaranya strategi yang dilakukan seperti mengadakan rancangan pertanian secara intensif dan pelbagai melaksanakan pembukaan tanah secara besar-besaran serta mewujudkan peluang pekerjaan dengan cara menjalankan kegiatan secara intensif.<sup>29</sup> Sebagai contoh sistem tender terbuka dalam pembalakan telah berjaya meningkatkan hasil dalam pembalakan. Pada tahun 1981-1989, hasil balak berjumlah sebanyak RM31 juta. Sementara dalam tempoh masa yang sama iaitu pada tahun

---

<sup>27</sup> Ishak Shari, (1992), *Pembangunan dan Kemunduran: Perubahan Ekonomi Luar Bandar di Kelantan*. Dewan Bahasa daKuala Lumpur:n Pustaka, hlm. 43.

<sup>28</sup> Kessler, C.S, (1978), *Islam and Politics in a Malay State: Kelantan 1838-1969*. Ithaca and London: Cornell University Press, hlm. 56.

<sup>29</sup> Zawati Mat Saman, (1998/99), 'Ekonomi Negeri Kelantan bagi Tahun 1900 sehingga 1970'. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya:Kuala Lumpur, hlm. 22.

1991 hingga 1998 hasil balak meningkat dua kali ganda iaitu berjumlah RM 61 juta. Pertambahan ini disebabkan oleh kejayaan dasar baru ekonomi yang berkaitan industri balak. Selain itu, statistik kerajaan negeri telah menunjukkan kadar pengangguran daripada 7.4 peratus pada tahun 1980 kepada 3.4 peratus pada tahun 2000. Pengkaji tidak mengkaji dari sudut kemiskinan yang merupakan masalah utama rakyat Kelantan. Oleh itu kajian ini dilakukan adalah untuk melihat masalah kemiskinan yang berlaku di negeri Kelantan dan program yang dilakukan bagi membasmi kemiskinan di negeri Kelantan.

Banyak buku, risalah, jurnal, keratan akhbar dan sebagainya yang menulis tentang negeri Kelantan. Bahan-bahan yang ditulis itu sama ada mengenai politik negeri Kelantan, kebudayaan, masyarakat dan sebagainya. Pengkaji memilih beberapa buah buku sebagai sorotan kajian yang berkaitan dengan kajian tesis yang ditulis. Buku-buku yang dipilih ialah siri “*Warisan Kelantan I – 27*” yang diterbitkan oleh Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, diselenggarakan oleh Dato’ Nik Mohamad bin Nik Mohamad Salleh dan beberapa orang penulis lain.

Buku lain yang dikaji oleh penulis ialah ‘*History of Kelantan 1840 – 1940*’ yang ditulis oleh Shahril Talib, 1994. Buku ini diterbitkan oleh Academe Art & Printing Services Sdn.Bhd. di Kuala Lumpur. Di dalam buku<sup>30</sup> ‘*History of Kelantan 1890-1940*’, Shahril Talib membincangkan tentang sejarah ringkas negeri Kelantan, kerajaan-kerajaan tempatan, krisis dan persetujuan dalam kerajaan Kelantan, permulaan sistem penasihat di Kelantan bermula pada 1903-1909 melalui Perjanjian Bangkok. Shahril Taib juga menyentuh tentang kesan pemerintahan dan penjajahan British kepada masyarakat Melayu di Kelantan. Melalui buku ini pembaca dapat pengetahuan tentang sejarah dan pentadbiran negeri Kelantan dari tahun 1890

---

<sup>30</sup> Shahril Talib, (1994), *History of Kelantan 1840 – 1940*. Academe Art & Printing. Kuala Lumpur: Services Sdn.Bhd., hlm. 57.

sehingga 1940. Berbeza dengan tesis ini yang membincangkan perkembangan ekonomi negeri Kelantan selepas merdeka bermula tahun 1959-2008.

Kajian ini turut meninjau buku yang ditulis oleh Wan Harun Wan Yaacob yang ditulis pada tahun 1986 yang bertajuk “*Sejarah Pembangunan Ekonomi Negeri Kelantan semasa pemerintahan Pas 1959-1973*”. Penulis buku ini memaparkan kegagalan PAS memajukan ekonomi negeri Kelantan<sup>31</sup>, Kerajaan Persekutuan yang mengabai dan melambatkan kemajuan di negeri Kelantan, serta hubungan tegang kerajaan negeri dengan kerajaan persekutuan telah membantutkan lagi pertumbuhan ekonomi di negeri Kelantan. Buku ini membincangkan Kelantan di bawah pemerintahan PAS selama 14 tahun dari 1959-1973. Tesis ini pula membincangkan perkembangan ekonomi negeri Kelantan dari tahun 1959-2008 selama 49 tahun di bawah pimpinan parti politik yang berbeza.

Berdasarkan kajian lepas di atas jelaslah bahawa banyak isu yang berkaitan dengan ekonomi negeri Kelantan telah dibincangkan, namun isu berkaitan dengan perekonomian negeri kelantan di bawah pemerintahan PAS dan Barisan Nasional secara bandingan kurang mendapat perhatian daripada sarjana. Dengan demikian, kelompongan yang ada ini akan diisi di dalam kajian ini. Berdasarkan kaian lepas ini juga telah menunjukkan bahawa daripada aspek ekonomi perkembangan ekonomi negeri Kelantan adalah kurang memberangsangkan. Persoalannya ialah sejauh manakah pernyataan itu benar, apabila merujuk kepada kajian perkembangan ekonomi negeri Kelantan tahun 1959-2008.

---

<sup>31</sup> Wan Harun Wan Yaacob, (1986), *Sejarah Pembangunan Ekonomi Negeri Kelantan Semasa Pemerintahan PAS (1959-1973)*. Tesis Sarjana muda. Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm. 39.

### **1.3 Permasaalah Kajian**

Telah banyak kajian yang telah ditulis tentang sejarah negeri Kelantan, tetapi kebanyakan sarjana menulis tentang keunikan politik di sana. Persoalan tentang naik turunnya ekonomi serta taraf hidup masyarakat di negeri Kelantan kurang mendapat sambutan dalam kalangan sarjana untuk dikaji. Tesis ini membincangkan sejarah ekonomi negeri Kelantan dari tahun 1959 sehingga tahun 2008.

Isu ekonomi negeri Kelantan dalam jangkamasa 49 tahun melibatkan dua parti pemerintah, iaitu kerajaan PAS dan kerajaan Barisan Nasional. PAS memerintah Kelantan sebanyak dua kali iaitu selepas menang pilihanraya tahun 1959 sehingga tahun 1978 selama 19 tahun memerintah. Pada tahun 1978 kerajaan Barisan Nasional pula yang memerintah negeri Kelantan sehingga tahun 1990 iaitu selama 12 tahun. Tesis ini membincangkan peranan yang dimainkan oleh kerajaan PAS dan Barisan Nasional dalam meningkatkan ekonomi negeri Kelantan dan seteruskan meningkatkan taraf hidup rakyat negeri ini.

Bagi menjawab tesis kajian ini, beberapa kajian perlu diperjawabkan seperti apakah bentuk ekonomi negeri Kelantan pada tahun 1959-1978? Apakah pencapaian ekonomi semasa era pemerintahan PAS? Apakah pencapaian ekonomi semasa era pemerintahan Barisan Nasional? Analisis pencapaian PAS dari tahun 1990-2008? Segala persoalan yang dikemukakan dikaji dan dijawab dalam tesis kajianini. Tesis ini menjawab tentang ekonomi dalam negeri Kelantan dari tahun1969-2008.

## **1.4 Skop Kajian**

Kajian ini dilakukan untuk meninjau perkembangan ekonomi negeri Kelantan sekitar tahun 1959 sehingga tahun 2008. Kajian juga lebih menumpukan hasil yang memberi sumbangan yang besar kepada Kelantan seperti padi, getah dan kelapa sawit. Kajian akan dibuat tentang taraf ekonomi penduduk di Kelantan sekitar tahun yang dikaji dalam jangkamasa 49 tahun untuk melihat perkembangan ekonomi rakyat Kelantan melalui program-program yang telah dijalankan. Kajian utama dijalankan bagi menilai prestasi corak perbezaan pimpinan pemerintahan (kerajaan PAS dan Kerajaan Barisan Nasional) serta sumbangan kepada perkembangan ekonomi bagi kedua-dua kerajaan pemerintah untuk negeri Kelantan. Selain daripada itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan informasi yang berguna kepada semua pihak untuk sama-sama meningkatkan tahap ekonomi negeri dan seterusnya sudah tentu dapat memberikan kita gambaran serta memerhatikan keadaan ekonomi yang sebenar kepada semua pihak sama ada pihak kerajaan, swasta, pelabur dan masyarakat keseluruhannya.

Selain itu, hubungan kerajaan pusat dan kerajaan negeri pimpinan PAS tahun 1959-1978 juga dikaji tentang kesannya terhadap ekonomi negeri Kelantan. Dari segi perancangan pembangunan kerajaan PAS mengambil kira keseimbangan dua kawasan yang berlainan iaitu kawasan utara yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi, manakala kawasan selatan mempunyai kepadatan penduduk yang rendah.<sup>32</sup> Kerancakan pembangunan di kawasan Kelantan Utara adalah untuk meninggikan pendapatan penduduk melalui pembangunan setempat. Berbeza dengan kawasan selatan, kerajaan negeri menggunakan strategi pembangunan dengan mengemukakan kawasan-kawasan pertanian baru. Perbezaan dalam strategi ini

---

<sup>32</sup> Kelantan Terus Membangun Menuju Kemakmuran, Jabatan Penerangan Malaysia, Kementerian Penerangan Malaysia, (1985), hlm. 4.

adalah bertujuan menempatkan petani-petani di kawasan tersebut supaya nisbah kependudukan sejajar dengan keluasan tanah dan pendapatan petani-petani juga dapat ditingkatkan.<sup>33</sup> Kegiatan pembukaan kawasan pertanian yang baru ini dijalankan di Kuala Krai, Gua Musang, Tanah Merah dan Jeli dari tahun 1957-1971. Antara agensi yang terlibat dalam pembukaan tanah secara besar-besaran ialah Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan (LKTN) semasa pemerintahan kerajaan PAS dan diteruskan usaha tersebut oleh kerajaan Barisan Nasional yang mengambil alih tumpuk pemerintahan dari tahun 1978 dengan menubuhkan Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR).<sup>34</sup>

Seterusnya tinjauan dibuat pula dari tahun 1978 sehingga tahun 1990 semasa kerajaan Barisan Nasional pula yang memerintah Kelantan. Kajian turut meneliti perkembangan ekonomi rakyat di Kelantan pada tahun 1990 apabila PAS berjaya sekali lagi merebut semula tumpuk pemerintahan negeri Kelantan daripada kerajaan Barisan Nasional. Isu politik, ekonomi, dan sosial bercampur aduk di Kelantan menyebabkan tercetusnya ketegangan di antara kerajaan pusat dan negeri. Faktor-faktor tersebut memainkan peranan penting dalam memastikan perkembangan hala tuju ekonomi negeri Kelantan akan dijelaskan dengan lebih terperinci dalam bab-bab seterusnya.

Seterusnya kajian turut membincangkan kekangan dalam membangunkan ekonomi negeri Kelantan dalam tahun 1990 sehingga tahun 2008 iaitu tahun akhir kajian tesis ini. Transformasi ekonomi Islam yang diamalkan oleh kerajaan negeri turut dibincangkan seperti konsep infaq dan sedekah, penggunaan tunai dan emas. Kajian ini dibuat sehingga tahun 2008 iaitu pada pilihanraya umum

---

<sup>33</sup> Kajian Hiraki (sic) *Bandar dan Pembangunan Wilayah di Negeri Kelantan*, (1984), *Jilid 1*, hlm 14.

<sup>34</sup> Taklimat Status Pembangunan Tanah, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian (2004), Kota Bharu, hlm. 4.

ke-12. Pada pilihanraya ini, kerajaan PAS yang memerintah Kelantan telah memenangi 38 kerusi DUN yang dipertandingkan, PKR 1 kerusi dan Barisan Nasional 6 kerusi yang jumlah kerusi DUN yang dipertandingkan ialah 48 kerusi. Keputusan pilihanraya tersebut menunjukkan rakyat Kelantan tetap menerima pimpinan PAS. Di dalam kajian ini pertukaran tampuk pemerintahan tidak menjelaskan perkembangan ekonomi negeri Kelantan, malah perbezaan yang timbul hanyalah dari segi ideologi politik sahaja.

## **1.5 Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan berdasarkan tiga objektif iaitu:

- i. Mengkaji prestasi pembangunan ekonomi oleh kerajaan PAS yang memerintah negeri Kelantan dari tahun 1959-1978.
- ii. Meneliti dasar dan program perekonomian yang dijalankan oleh kerajaan Barisan Nasional dari tahun 1978 sehingga tahun 1990 dalam meningkatkan ekonomi negeri Kelantan.
- iii. Menganalisis perkembangan ekonomi negeri Kelantan oleh kerajaan PAS yang memerintah Kelantan untuk kali kedua dari tahun 1990-2008.

Justeru, tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji tentang sejarah perkembangan ekonomi negeri Kelantan sepanjang tahun 1959 hingga 2008 serta peranan dan sumbangan pemerintahan kerajaan yang berlaku semasa tempoh kajian dijalankan.

## **1.6 Signikan Kajian**

Dalam kajian ini tumpuan kajian diberi terhadap sejarah perkembangan ekonomi negeri Kelantan dalam tahun 1959 sehingga tahun 2008 yang diterajui oleh

kerajaan PAS dan juga Barisan Nasional. Pelbagai usaha yang telah dibuat oleh kedua-dua kerajaan negeri ini seperti penubuhan LKTN oleh PAS dan diteruskan dengan KESEDAR oleh Barisan Nasional. Penubuhan KADA untuk membantu petani terutamanya penanam padi dengan menyediakan talair bagi meningkatkan hasil pesawah padi dan seterusnya meningkatkan pendapatan para petani di Kelantan. Seterusnya kerajaan negeri telah menubuhkan MTEN iaitu Majlis Tindakan Ekonomi Negara yang dikenali MATEN di Kelantan. Tujuan penubuhan MATEN adalah untuk mengelak berlakunya kemelesetan ekonomi.

Kajian ini mempunyai kepentingan kepada umum untuk melihat apa yang telah dilakukan oleh kerajaan PAS, dan apa yang telah dibuat oleh kerajaan Barisan Nasional dalam meningkatkan taraf hidup rakyat Kelantan. Kajian ini bermula dengan tahun 1959 iaitu pilihanraya pertama selepas merdeka yang mana kerajaan PAS telah memenangi pilihanraya itu dan memerintah Kelantan. Kajian tesis ini dikaji sehingga tahun 2008 iaitu pilihanraya ke-12. PAS memerintah negeri Kelantan 1959-1978, Barisan Nasional memerintah Kelantan tahun 1978-1990 dan seterusnya PAS memerintah Kelantan semula buat kali kedua pada tahun 1990 sehingga sekarang. Segala apa yang telah berlaku dalam sejarah negeri Kelantan dari 1959-2008 boleh dijadikan iktibar oleh para pembaca agar berhati-hati dengan rakyat Kelantan yang tidak teragak-agak untuk menukar mana-mana kerajaan yang memerintah Kelantan dengan kuasa mengundi yang mereka ada dalam pilihanraya. Kerajaan perlu pandai menjaga hati dan kepercayaan rakyat semasa memerintah agar terus dipilih dalam pilihanraya yang seterusnya. Justeru itu, kajian ini diharap dapat memberi satu gambaran yang jelas dan terperinci tentang kepentingan program yang dijalankan agar dapat meningkatkan taraf hidup rakyat dengan apa yang telah dibuat. Kajian ini penting untuk memberi gambaran sebenar tentang peningkatan ekonomi

rakyat hasil daripada tindakan yang dibuat oleh kerajaan dan agensi-agensi yang terlibat.

### **1.7 Metodologi Kajian**

Kajian ini berbentuk kualitatif berdasarkan permasalahan kajian yang dikemukakan. Kaedah deduktif adalah kaedah penyelidikan yang paling sesuai bagi mendapatkan perlaksanaan perkembangan ekonomi.<sup>35</sup> Hal ini kerana ia memerlukan penelitian daripada data-data yang dikumpulkan. Oleh itu pendekatan yang digunakan untuk kajian ini adalah menerusi kajian kepustakaan dan temubual.

Data kajian ini diperoleh melalui dua sumber utama iaitu sumber primer dan sekunder. Sumber primer ialah bahan yang belum diolah atau dicetak iaitu dalam keadaan asal seperti kertas, fosil, manuskrip yang belum dicetak, surat rasmi kerajaan, batu bersurat dan juga keterangan lisan. Sumber-sumber tersebut bersifat asli dan belum diolah. Data sekunder pula merupakan bahan yang telah diolah dan dicetak dan disebarluaskan kepada umum. Data diperoleh melalui pemerhatian di lapangan dan temubual dengan beberapa responden. Sumber sekunder diperoleh melalui kaedah kepustakaan yang digunakan untuk mendapatkan data sekunder yang berkaitan ekonomi di kawasan kajian. Pelbagai data seperti Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), data hasil negeri (pelbagai tahun), Laporan Ekonomi (pelbagai tahun) digunakan dalam kajian ini.

---

<sup>35</sup> Burn, R. B (1995). "Introduction to Research Methods." Melbourne: Longman, hlm. 28.

## **1.8 Sinopsis Bab**

Ringkasan pembahagian bab ini menjelaskan bagaimana kajian ini dikelolakan untuk mencapai objektif yang telah ditetapkan. Perbincangan yang terdapat dalam bab ini diharap dapat memberikan gambaran keseluruhan terhadap kajian ini.

Bab Satu merangkumi aspek pengenalan kepada kajian ini iaitu perbincangan secara terperinci tentang latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop kajian dan metodologi kajian. Bab ini juga menerangkan secara ringkas hala tuju kajian ini dari mula hingga tamat.

Bab Dua pula menjelaskan Ekonomi Kelantan di era pemerintahan Kerajaan PAS dan sumbangan dalam pembangunan ekonomi negeri. Seterusnya Bab Tiga membincangkan tentang ekonomi Kelantan di bawah kerajaan Barisan Nasional serta penjelasan mengenai pembangunan ekonomi yang dijalankan untuk membantu taraf hidup rakyat di negeri Kelantan.

Bab Empat merupakan perbincangan mengenai analisa kedudukan ekonomi Kelantan dari tahun 1990 hingga tahun 2008. Pada masa ini pemerintahan negeri Kelantan dipimpin oleh kerajaan PAS. Bab yang terakhir iaitu Bab Lima adalah merupakan perbincangan dan kesimpulan daripada keseluruhan kajian yang telah dibuat.



## BAB 2

### LATAR BELAKANG SOSIOEKONOMI KELANTAN DI ERA PEMERINTAHAN KERAJAAN PAS (1959-1978 )

#### 2.1 Pendahuluan

Kelantan merupakan negeri yang terletak di pantai timur Semenanjung Malaysia. Kelantan merupakan negeri yang unik, terutama dari segi kuasa rakyat dan kehidupan budaya politiknya. Maksudnya, negeri Kelantan sejak sebelum merdeka melalui proses sejarah yang pernah dinaungi kuasa Siam (sebelum 1909) dan selepas itu (melalui perjanjian Bangkok) dinaungi oleh kerajaan Inggeris sehingga merdeka. Namun menjelang merdeka berlaku pilihan raya Persekutuan 1955 kuasa politik rakyat telah memberi mandat kepada UMNO menang di Kelantan dan diketuai oleh Dato' Bentara Jasa Ishak Lotfi Omar sebagai menteri Besar.<sup>1</sup> Namun begitu, keadaan mula berubah pada pilihan raya pertama 1959 (selepas merdeka) berlaku pula perubahan mandat rakyat Kelantan apabila parti PAS (di bawah Dato' Seri Paduka Raja Mohd Asri bin Muda dari 1964 -1973), kemudiannya Dato' Biji Sura Muhamed bin Nasir dipilih dari 1973 – 1978 mengetuai kuasa politik negeri.

---

<sup>1</sup> Haziyah Hussin, (2004), *Orang Melayu Kelantan dari Sudut Budaya dan Perspektif Sejarah Lampau dlm Jebat 31*, hlm.21.

Di dalam bab 2 ini, kajian dibuat mengenai latar belakang politik dan ekonomi negeri Kelantan semasa pemerintahan kerajaan PAS pada tahun 1959-1978. Peranan kerajaan negeri dan kerajaan persekutuan dalam membangunkan ekonomi negeri Kelantan turut dikaji. Bab ini juga turut membincangkan bidang kuasa perundangan dan pembentukan kerajaan dalam tempoh masa tersebut yang diterajui oleh kerajaan PAS untuk melihat peruntukan kuasa kepada kerajaan negeri Kelantan dalam membantu perkembangan ekonomi rakyatnya. Selain itu, bab ini turut membincangkan bidang kuasa kerajaan persekutuan dan juga bidang kuasa kerajaan negeri dalam tahun 1959-1978 terhadap perkembangan ekonomi negeri Kelantan.

Peranan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan (LKTN) turut dikaji dalam membantu meningkatkan ekonomi rakyat Kelantan. Berdasarkan fakta sejarah politik tanahair, Kerajaan PAS Kelantan telah mengambil langkah bijak yang diiktiraf oleh masyarakat dunia termasuklah Bank Dunia dengan menubuhkan Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan pada tahun tahun 1960. Pada ketika itu Dato' Haji Mohd. Asri bin Haji Muda merupakan Menteri Besar Kelantan. Langkah ini dilaksana selepas PAS mencapai kemenangan cemerlang dalam pilihanraya umum tahun 1959. Demi merealisasikan impian dan masa depan rakyat yang lebih terjamin, pembukaan tanah secara besar-besaran dilaksanakan.<sup>2</sup> Ekoran penubuhan LKTN ini perkembangan ekonomi dapat dilihat sama ada dari sudut pertanian mahupun dari sudut pemilikan tanah.<sup>3</sup>

---

<sup>2</sup> Salahuddin bin Abdullah, (2010), *Sejarah PAS Kelantan 1959-1978*. Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan. Percetakan Zulrahim Sdn. Bhd., hlm. 65-69.

<sup>3</sup> Zakaria Haji Awang Soh, (1972), *Pembukaan tanah oleh Lembaga Kemajuan Tanah Negeri Kelantan*. Penerbit UKM, hlm. 12.